

TEKS UCAPAN
TUAN SETIAUSAHA PERBANDARAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PERASMIAN PROJEK BAIK PULIH LALUAN
BUKIT JURU
25 FEBRUARI 2017 (SABTU), 9.30 PAGI

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan,
Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar

Yang Berusaha Encik Tan Kean Hua

Executive Director IOI Oleochemical, Perai

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua - ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada IOI Oleochemical beserta kakitangannya kerana telah berusaha dan berjaya menganjurkan majlis pada pagi ini.

Hadirin dihormati,

Sedikit perkongsian, laluan menaiki Bukit Juru ini telah dibina atas usaha Pasukan Kerja LA21, MPSP bersama Jabatan Perhutanan lebih 13 tahun yang lalu. Selepas tahun 2008, laluan ini tidak dibenarkan untuk digunakan.

Walaupun bagaimanapun, terima kasih diucapkan kepada IOI Oleochemical, Perai kerana sudi menyumbang dari segi kewangan dan tenaga bagi membaik pulih laluan Bukit Juru ini.

Hadirin yang dihormati,

Bukit Juru yang mempunyai keluasan sebanyak 150 hektar merupakan hutan simpan yang telah diwartakan pada Jun 1981. Laluan ini mempunyai 646 tangga untuk menaiki bukit. Setelah mendaki bukit ini, kita boleh melihat pemandangan sekitar Seberang Perai yang indah.

Selepas pelancaran baik pulih laluan serta dengan sumbangan daripada IOI Oleochemical, Perai kita

berharap Bukit Juru akan menjadi satu destinasi senaman dan program-program rekreasi dan diharapkan banyak aktiviti boleh dianjurkan dan selanjutnya mempromosikan *eco-tourism*. Ini sejajar dengan misi dalam menjadikan Seberang Perai, *Cleaner, Greener, Safer, Healthier and Happier*.

Selain itu, antara usaha-usaha MPSP untuk mewujudkan lebih banyak taman rekreasi adalah seperti:

1. Mengenalpasti lokasi-lokasi sesuai di seluruh Seberang Perai untuk dinaiktaraf sebagai taman rekreasi (melalui program pelan strategi MPSP dan pelaksanaan program Fokus 5: Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam), sebanyak 6 lokasi dipilih setiap tahun untuk dinaiktaraf dan dibangunkan.

2. Mensyaratkan penyediaan kawasan lapang melalui Permohonan Pelan landskap dalam skim-skim perumahan baru.
3. Menggalakkan pelaksanaan Program 4P's (naiktaraf kawasan lapang); melalui "*Corporate Social Responsibility*" (CSR), terutama "park and garden". Tujuan CSR adalah untuk mewujudkan lebih banyak kawasan landskap dan kawasan rekreasi untuk orang ramai. Program CSR di Seberang Perai telah bermula pada tahun 2011. Senarai taman rekreasi sediada di Seberang Perai adalah :

DAERAH	NAMA PUSAT REKREASI		
Seberang Perai Utara			
	<table border="1"> <tr> <td data-bbox="646 411 776 501">1</td> <td data-bbox="776 411 1416 501">Taman Pantai, Jalan Pantai, Butterworth.</td> </tr> </table>	1	Taman Pantai, Jalan Pantai, Butterworth.
	1	Taman Pantai, Jalan Pantai, Butterworth.	
	<table border="1"> <tr> <td data-bbox="646 512 776 602">2</td> <td data-bbox="776 512 1416 602">Anjung Bagan, Jalan Bagan Luar, Butterworth.</td> </tr> </table>	2	Anjung Bagan, Jalan Bagan Luar, Butterworth.
	2	Anjung Bagan, Jalan Bagan Luar, Butterworth.	
	<table border="1"> <tr> <td data-bbox="646 613 776 703">3</td> <td data-bbox="776 613 1416 703">Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Jalan Permatang Pauh.</td> </tr> </table>	3	Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Jalan Permatang Pauh.
3	Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Jalan Permatang Pauh.		
<table border="1"> <tr> <td data-bbox="646 714 776 756">4</td> <td data-bbox="776 714 1416 756">Vision Park, Bertam, Kepala Batas.</td> </tr> </table>	4	Vision Park, Bertam, Kepala Batas.	
4	Vision Park, Bertam, Kepala Batas.		
<table border="1"> <tr> <td data-bbox="646 766 776 856">5</td> <td data-bbox="776 766 1416 856">Pantai Kamloon, Bumbung Lima, Kepala Batas.</td> </tr> </table>	5	Pantai Kamloon, Bumbung Lima, Kepala Batas.	
5	Pantai Kamloon, Bumbung Lima, Kepala Batas.		
<table border="1"> <tr> <td data-bbox="646 867 776 957">6</td> <td data-bbox="776 867 1416 957">Taman Rekreasi Pantai Robina, Teluk Air Tawar.</td> </tr> </table>	6	Taman Rekreasi Pantai Robina, Teluk Air Tawar.	
6	Taman Rekreasi Pantai Robina, Teluk Air Tawar.		

<p style="text-align: center;">Seberang Perai Tengah</p>	1	Taman Bandar Ampang Jajar, Permatang Pauh.
	2	Taman Tunku, Seberang Jaya.
	3	Taman Rekreasi Sembilang, Seberang Jaya.
	4	Taman Rekreasi PBAPP Bukit DO, Bukit Mertajam.
	5	Taman Rimba Cherok To' Kun, Bukit Mertajam.
	6	Empangan Tasik Mengkuang, Mengkuang.
	7	Taman Bukit Indah, Bukit Mertajam.
<p style="text-align: center;">Seberang Perai Selatan</p>	1	Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian, Nibong Tebal.
	2	Taman Rekreasi Kg Sanglang, Nibong Tebal.
	3	Taman Negeri Bukit Panchor, Nibong Tebal.

Program 4P's bukan sahaja dapat membantu menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan indah, malah dapat menggalakkan dan memupuk masyarakat mempunyai sikap bertanggungjawab, memiliki dan kebanggaan (*sense of ownership, belonging and pride*) tersemam dalam jiwa warga Seberang Perai.

Konsep serampang dua mata kerajaan, 4P's telah mewujudkan kerjasama yang baik antara pihak korporat mahupun komuniti bagi membantu kerajaan dalam mengurangkan kos perbelanjaan pembangunan dan penyelenggaraan disamping memperoleh manfaat meningkatkan jenama korporat mahupun komuniti di mata masyarakat umum.

Hadirin yang dihormati,

Penjimatan kos di pihak kerajaan yang berlaku dari sejak 4P's dilancarkan pada tahun 2011 adalah berjumlah **RM 6,849,908.00** bagi pembangunan pengindahan dan **RM1,484,166.00** bagi kos penyelenggaraan.

Bil	Projek 4P's	Kos Pembangunan (RM)	Kos Penyelenggaraan (RM)
1	Taman Tuku Kota Demokrasi	589,000	54,000
2	Taman Tunku,Seberang Jaya	457,477	216,000
3	Vision Park, Kepala Batas	861,232	192,000
4	Rezab Jalan Peindustrian Bkt. Minyak 5	300,000	132,300
5	Taman Rekreasi PBAPP, Bukit DO	1,147,326	57,366
6	Anjung Bagan,Butterworth	250,000	270,000
7	Bulatan Tenggiri, Seberang Jaya	200,000	18,000
8	Bulatan Bukit Tengah, Bukit Mertajam	632,383	4,500
9	Taman Linear Taman Seri Bayu	45,000	-
10	Rizab Jalan Taman Telok Molek	387,490	240,000
11	Jalan Sungai Daun, Nibong Tebal	80,000	-
12	Taman Linear Bandar Tasek Mutiara	1,900,000	300,000
	JUMLAH	RM6,849,908.00	RM1,484,166.00

Saya ingin mengambil kesempatan pada pertemuan kita pada hari ini, untuk sekali lagi mengingatkan semua mengenai Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Negeri Pulau Pinang yang mana akan dikuatkuasakan penguasaanya pada 1 Jun 2017.

Buat masa sekarang, MPSP telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada premis-premis yang didapati tidak mengasingkan sisa di punca. Sebanyak 9446 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan dari Ogos hingga Disember 2016 dan pada Januari 2017 pula sebanyak 2071 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan.

Saya ingin berkongsi disini jumlah beratan sampah dari seluruh Seberang Perai pada tahun 2016 ialah 434,008.51 tan.

Manakala pada tahun 2015, beratan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah 440,460.40 tan. Terdapat penurunan sebanyak 6451.89 tan sampah yang masuk ke tapak pelupusan.

Jika dilihat ke atas kajian yang telah dijalankan oleh Penang Institute bagi tempoh 2008 hingga 2015, beratan sampah perkapita sebanyak 1.6 kg (2008) telah menurun kepada 1.3kg bagi tahun 2015 . Diharap selepas Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Negeri Pulau Pinang dikuatkuasakan sepenuhnya, pada tahun-tahun

mendatang, beban sampah perkapita akan semakin menurun.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Membentuk diri menjadi agent of change, bukanlah perkara sukar, kerana ia berbalik kepada diri kita sendiri. Kita juga harus menjadi contoh kepada generasi muda agar apa yang kita lakukan hari ini akan berkesinambungan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.